

## **NOTIS PRIVASI UNTUK PELANGGAN DAN INDIVIDU LAIN**

### **1. Pendahuluan**

- 1.1 Kami, PLUS Malaysia Berhad (No. Pendaftaran 201001039714 (923639-A)), anak syarikat dan syarikat bersekutu kami (secara kolektif selanjutnya disebut sebagai, "PLUS" atau "kami") menghormati hak privasi subjek data (selepas ini disebut sebagai, "anda") dan kami menghormati semua maklumat peribadi yang diberikan kepada kami.
- 1.2 Kami komited untuk melindungi semua maklumat peribadi yang disimpan oleh kami. PLUS terikat oleh Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") dan semua undang-undang lain di Malaysia yang tergunapakai berkenaan dengan perlindungan privasi yang menetapkan prinsip-prinsip berkenaan dengan maklumat peribadi dan perlindungan pengguna di Malaysia.
- 1.3 Notis Privasi ini terpakai kepada semua Pelanggan dan Individu Lain.
- 1.4 Anda bertanggungjawab untuk membaca Polisi & Notis Privasi penuh kami di laman web korporat PLUS, iaitu [www.plus.com.my](http://www.plus.com.my) setiap kali sebelum memberikan Data Peribadi anda kepada kami. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk kami mengumpul, mengguna dan memproses Data Peribadi anda.
- 1.5 Anda dengan ini memahami dan memberikan persetujuan bahawa Data Peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan, diguna dan diproses dalam bidang kuasa selain di Malaysia, seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini atau di mana-mana pelayan kami yang berada di luar Malaysia.
- 1.6 Kecuali dinyatakan sebaliknya, definisi Notis Privasi untuk Pelanggan dan Individu Lain ini akan mengikuti definisi yang dinyatakan di bawah Polisi Privasi.

### **2. Jenis-Jenis Data yang Dikumpul**

- 2.1 Kami boleh mengumpul Data Peribadi berikut: -
  - nama;
  - nombor kad pengenalan/ pasport dan imejnya/ gambarnya;
  - jantina;
  - maklumat perhubungan anda seperti alamat e-mel, alamat rumah, nombor telefon bimbit, termasuk ID peranti atau nombor siri dll.;
  - kewarganegaraan;
  - agama;
  - tarikh lahir;
  - negara, negeri dan bandar di mana anda menetap dan termasuk maklumat lokasi yang tepat;

## LAMPIRAN A

- rekod perubatan;
- butiran bank;
- butiran kad bank dan e-dompot yang telah dianonimkan, jika diperlukan;
- butiran insurans;
- latar belakang pendidikan;
- nombor Tag Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) Touch 'n Go anda;
- data yang berkaitan dengan kenderaan anda seperti negara di mana kenderaan anda didaftarkan, jenis kenderaan, buatan kenderaan, model kenderaan, tahun buatan kenderaan, nombor pendaftaran kenderaan, kad pendaftaran kenderaan dan imej kenderaan;
- nombor identifikasi pengilangan Kad Touch 'n Go anda;
- transaksi bayaran dan transaksi berkaitan gaya hidup;
- butiran transaksi yang dibuat oleh anda menggunakan platform atas talian yang dimiliki oleh PLUS termasuk data agregat mengenai kandungan yang anda gunakan;
- maklumat yang dikumpulkan di plaza tol seperti masuk dan keluar plaza tol, waktu masuk dan keluar dan bayaran tol;
- butiran berkaitan pekerjaan anda termasuk dan tidak terhad kepada jenis pekerjaan, majikan, maklumat perhubungan majikan dan alamat pejabat; dan
- data atau maklumat elektronik lain yang berkaitan dengan anda, seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengecam dalam talian, serta data lokasi semasa anda menggunakan produk atau perkhidmatan kami.

2.2 Untuk menikmati segala manfaat di bawah program PLUSMiles dan apa-apa bayaran lain seperti tuntuan, zakat atau sebarang sumbangan lain daripada PLUS, kami memerlukan anda untuk memberikan Data Peribadi anda kepada kami. Sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi anda seperti yang tersenarai di dalam Perenggan 2.1 di atas, atau menarik balik atau mengehendkan persetujuan bagi pemprosesan Data Peribadi, kami tidak akan dapat memberikan keseluruhan atau sebahagian daripada manfaat, perkhidmatan dan bayaran tersebut kepada anda, seperti yang boleh ditawarkan pada masa kini atau yang boleh diperkenalkan oleh kami dari semasa ke semasa.

2.3 Jenis data yang dikumpulkan seperti yang disenaraikan di dalam Perenggan 2.1 di atas adalah tidak menyeluruh (*non-exhaustive*) dan boleh berubah sebagaimana yang dirasakan perlu oleh PLUS.

### 3. Data Peribadi Sensitif

3.1 Sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, PLUS akan mendapatkan persetujuan daripada anda sebelum kami memproses maklumat peribadi sensitif anda.

- 3.2 PLUS akan memproses maklumat peribadi atau maklumat peribadi sensitif tanpa persetujuan anda hanya dalam situasi terhad seperti yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia.

#### **4. Sumber Data**

- 4.1 Selain daripada Data Peribadi yang anda berikan kepada kami secara langsung, pihak kami juga boleh mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber termasuk butiran daripada: -

- apabila anda mengisi borang permohonan, borang pendaftaran atau borang-borang lain untuk sebarang aktiviti atau kegiatan di bawah PLUS;
- apabila anda memberikan pertanyaan, maklum balas, aduan atau tuntutan;
- daripada sumber awam yang sedia ada seperti direktori-direktori;
- daripada interaksi anda dengan kami melalui laman media sosial kami, seperti mengikuti, memberi komen, menyukai atau menghantar pesanan kepada kami di laman tersebut;
- apabila anda berinteraksi dan berkomunikasi dengan kami di mana-mana acara, aktiviti atau melalui surat menyurat;
- semasa anda menggunakan kad Touch 'N Go/ RFID di plaza-plaza tol PLUS serta melalui rakaman Kamera Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami atau apabila produk atau perkhidmatan RFID atau Pengecaman Nombor Plat Kenderaan (ANPR) kami digunakan;
- semasa anda melakukan transaksi melalui platform atas talian kami;
- apabila anda mengambil bahagian dalam peraduan atau tinjauan yang dianjurkan oleh kami;
- daripada pelbagai entiti atau bahagian kami serta syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan PLUS (ini termasuk entiti-entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS);
- dari Rakan Niaga kami, termasuk dan tidak terhad kepada Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan TNG Digital Sdn. Bhd seperti apabila anda mendaftar untuk Tag RFID TnG dan/ atau transaksi sistem pembayaran elektronik berasaskan akaun TnG (seperti Pay Direct);
- dengan mengunjungi, berinteraksi, berkomunikasi dengan kami dan menggunakan perkhidmatan di platform atas talian kami, Data Peribadi anda juga boleh dikumpul dari kuki, suar web, GPS dan kaedah-kaedah teknikal lain yang boleh melibatkan penghantaran Data Peribadi sama ada secara langsung kepada kami atau kepada pihak lain yang kami berikan kuasa untuk mengumpul maklumat bagi pihak kami yang digunakan di platform atas talian tersebut.

- 4.2 Platform atas talian kami boleh dihubungkan ke Laman Pihak Ketiga. Polisi Privasi ini tidak terpakai ke atas Laman Pihak Ketiga kerana laman tersebut adalah di luar kawalan kami. Sekiranya anda memilih untuk mengakses Laman Pihak Ketiga menggunakan pautan yang disediakan, pengendali laman tersebut boleh mengumpul maklumat peribadi anda. Anda perlu membaca dan memberikan persetujuan ke atas polisi privasi Laman Pihak Ketiga sebelum menyerahkan sebarang maklumat peribadi. Kami tidak akan bertanggungjawab di sisi undang-undang atau sebaliknya untuk aktiviti, polisi privasi atau tahap pematuhan privasi Laman Pihak Ketiga.

## 5. Tujuan Penggunaan Data

### 5.1 Tujuan Am

Kami mengumpul Data Peribadi untuk tujuan berikut:

- untuk menilai dan memproses permohonan dan pendaftaran anda untuk program dan perkhidmatan kesetiaan pelanggan kami termasuk dan tidak terhad kepada program PLUSMiles dan JustGo;
- untuk memproses dan menilai permohonan anda untuk sebarang pembayaran termasuk dan tidak terhad kepada bayaran zakat dan sebarang sumbangan lain oleh PLUS;
- untuk memproses transaksi yang dibuat oleh anda menggunakan aplikasi mudah alih atau platform lain yang dimiliki oleh PLUS;
- untuk berkomunikasi dengan anda berkenaan dengan sebarang penebusan hadiah di bawah program kesetiaan kami seperti program PLUSMiles, termasuk untuk tujuan penghantaran penebusan hadiah tersebut;
- untuk menyediakan perkhidmatan seperti komunikasi, maklumat atau produk atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh PLUS kepada anda;
- untuk menunaikan kewajipan kontrak kami terhadap anda;
- untuk memproses dan menyiasat sebarang tuntutan yang dibuat oleh anda;
- untuk tujuan penyelidikan termasuklah bagi tujuan sejarah dan statistik dan untuk memperbaiki perkhidmatan atau barangan;
- untuk menyelaraskan sebarang data mengenai anda yang disimpan oleh kami atau syarikat berkaitan kami dari semasa ke semasa;
- untuk membolehkan kami memahami, menganalisa, membangunkan, meningkatkan, memantau, mengkaji semula dan memperbaiki produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan (termasuk perkhidmatan bukan berkenaan lebuh raya atau tol yang boleh ditawarkan oleh PLUS) dan juga keperluan dan keutamaan anda;
- bagi penilaian dan analisis pasaran, pelanggan, produk dan perkhidmatan kami, termasuk meminta pendapat anda mengenai produk dan perkhidmatan kami serta menjalankan penyelidikan pasaran;
- untuk memperbaiki pengalaman anda sebagai pengguna lebuh raya kami seperti pengurusan aliran lalu lintas, menggalakan keselamatan lebuh raya, dll.;

## LAMPIRAN A

- untuk memberikan komunikasi berkala kepada anda (selain daripada bahan pemasaran langsung) dari kami; seperti keadaan lalu lintas, kemudahan yang ada dll.;
- untuk menyiasat aduan dan transaksi yang disyaki mencurigakan;
- untuk memproses penyertaan anda dalam sebarang acara, aktiviti, peraduan, promosi, undian atau tinjauan yang dianjurkan oleh kami;
- untuk tujuan pentadbiran dan operasi dalaman kami, seperti pengauditan, analisis data dan rekod pangkalan data;
- untuk membalas pertanyaan, komen, maklum balas atau permintaan akses data anda dan memudahkan operasi harian kami;
- untuk mematuhi kehendak undang-undang atau peraturan atau sebagaimana yang dibenarkan di sisi undang-undang atau peraturan di dalam dan di luar Malaysia;
- untuk tujuan pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- untuk mengendalikan risiko seperti risiko berkaitan komersial dan risiko ketidakpatuhan dll; dan
- untuk sebarang tujuan lain yang telah anda persetujui.

### 5.2 Tujuan-tujuan Pemasaran dan Promosi

Kami juga boleh menggunakan dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan lain seperti :-

- untuk menghantar kepada anda apa-apa makluman, surat berita, kemas kini, kiriman, bahan promosi, keistimewaan khusus, salam perayaan daripada kami, serta Rakan Niaga, penaja atau pengiklan kami;
- untuk memaklumkan dan menjemput anda ke acara, aktiviti atau peraduan yang dianjurkan oleh kami, atau Rakan Niaga, penaja atau pengiklan kami;
- untuk memproses pendaftaran anda untuk menyertai atau menghadiri mana-mana acara, aktiviti atau peraduan dan untuk berkomunikasi dengan anda mengenai kehadiran anda di acara atau aktiviti tersebut;
- untuk berkongsi Data Peribadi anda dengan Rakan Niaga, pengiklan, syarikat pengurusan acara atau penaja yang boleh berkomunikasi dengan anda untuk memasarkan produk, perkhidmatan, acara, atau promosi mereka; dan/ atau
- melalui pos, panggilan telefon, perkhidmatan mesej, serahan tangan dan/ atau e-mel.

5.3 Sekiranya anda tidak memberikan persetujuan untuk kami memproses Data Peribadi anda bagi Tujuan-Tujuan seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 5.1 di atas dan dengan cara yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, sila maklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui alamat e-mel seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.

## 6. Penzahiran Data Peribadi

6.1 Kami boleh mendedahkan Data Peribadi anda kepada:-

- Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa, termasuk pihak-pihak yang bekerja bersama kami dalam program PLUSMiles serta program atau perkhidmatan lain yang boleh diperkenalkan oleh kami dan syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan PLUS (ini termasuk entiti-entiti dalam Kumpulan Syarikat PLUS) dari semasa ke semasa;
- Rakan Niaga, rakan kesetiaan, rakan pembayaran kami, dan mana-mana rakan kongsi lain yang mana produk dan perkhidmatan mereka mungkin menarik minat anda;
- mana-mana Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa yang dilantik oleh kami atau syarikat berkaitan, bersekutu atau gabungan kami untuk menyediakan produk/perkhidmatan yang berkaitan dengan perniagaan mereka, sama ada di dalam atau di luar Malaysia tertakluk kepada kawalan keselamatan yang mencukupi terhadap maklumat tersebut seperti perkhidmatan pemprosesan data, penyelenggaraan sistem dan laman sesawang, perkhidmatan media dan pemasaran, perkhidmatan penghantaran, audit, perbankan);
- mana-mana penerima serah hak, penerima hak milik (*‘transferee’*) peserta atau sub-peserta yang sebenar atau dicadangkan berkenaan hak atau perniagaan kami seperti berkaitan dengan suatu transaksi korporat, contohnya penjualan sebuah anak syarikat atau bahagian, penggabungan, penyatuan, atau penjualan aset, atau sekiranya, berkemungkinan rendah, pembubaran perniagaan berlaku;
- sesiapa yang kami diwajibkan untuk membuat penzahiran menurut kehendak sebarang undang-undang, kaedah, peraturan, perintah mahkamah, kod amalan atau garis panduan yang mengikat kami termasuk dan tidak terhad kepada, mana-mana pengawal selia undang-undang, badan kerajaan, atau badan-badan industri yang diiktiraf, dan jika selainnya dikehendaki oleh undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan/ atau
- kepada pihak-pihak seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

6.2 Kami boleh mendedahkan maklumat peribadi anda jika diarahkan untuk berbuat demikian oleh undang-undang atau dengan suci hati, jika tindakan tersebut diperlukan untuk:

- mematuhi sebarang keperluan daripada badan-badan Kerajaan, badan kawal selia, agensi penguatkuasa undang-undang, perintah mahkamah atau proses undang-undang; dan/ atau
- melindungi dan mempertahankan hak atau harta Kumpulan Syarikat PLUS dan penggunanya.

- 6.3 Kami berkemungkinan menjual atau membeli syarikat, anak syarikat, atau unit perniagaan untuk terus mengembangkan perniagaan kami. Dalam urusan niaga tersebut, maklumat anda boleh didedahkan kepada pihak ketiga yang terlibat dalam transaksi tersebut.

## 7. Hak-Hak dan Pilihan-Pilihan

- 7.1 Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan, permintaan akses atau pembetulan, atau permintaan untuk kami menghadkan pemprosesan berkenaan Data Peribadi anda berkenaan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti di dalam Perenggan 5 di atas, sila hubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.
- 7.2 Kami berhak untuk mengenakan bayaran untuk akses Data Peribadi anda dalam jumlah yang dibenarkan di bawah undang-undang. Berkenaan dengan hak anda untuk mengakses dan/ atau membetulkan Data Peribadi anda, kami berhak untuk menolak permintaan anda untuk mengakses dan/ atau membuat sebarang pembetulan kepada Data Peribadi anda atas alasan yang dibenarkan di bawah undang-undang, contohnya, apabila kesan menyediakan akses kepada anda adalah tidak sepadan dengan risiko privasi terhadap anda atau orang lain.
- 7.3 Sekiranya anda memilih untuk menghadkan hak kami untuk memproses Data Peribadi anda, anda boleh menghubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan di dalam Perenggan 12 (Maklumat Untuk Dihubungi) di bawah.
- 7.4 Sekiranya anda tidak mahu Data Peribadi anda dikumpulkan melalui kuki di platform atas talian, anda boleh menyahaktifkan kuki dengan melaraskan tetapan pelayar internet anda untuk melumpuhkan, menyekat atau menyahaktifkan kuki, dengan memadamkan sejarah semak imbas anda dan memadam *cache* dari pelayar internet anda.

## 8. Data Peribadi daripada Seseorang Di Bawah Umur dan Orang Lain

- 8.1 Sekiranya Data Peribadi seseorang di bawah umur (individu di bawah umur lapan belas (18) tahun) diberikan kepada kami, sebagai ibu bapa atau penjaga sah mereka, anda dengan ini memberikan persetujuan untuk pemprosesan Data Peribadi seseorang individu di bawah umur tersebut dan secara peribadi menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi ini dan bertanggungjawab ke atas tindakan individu di bawah umur tersebut.

## LAMPIRAN A

- 8.2 Dalam sesetengah keadaan, anda boleh memberikan Data Peribadi yang berkaitan dengan orang lain seperti pasangan, ahli keluarga atau rakan anda dan dalam keadaan sedemikian, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah diberi kuasa untuk memberikan Data Peribadi mereka kepada kami dan anda telah memperolehi persetujuan mereka untuk pemprosesan dan penggunaan Data Peribadi mereka mengikut cara yang dinyatakan di dalam Notis Privasi ini.

### 9. Penyimpanan Dan Pelupusan Data Peribadi

- 9.1 Data Peribadi yang dikumpulkan akan disimpan oleh kami untuk jangka masa yang dibenarkan/ dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia, yang boleh berlanjutan sehingga tempoh selepas penamatan hubungan kontrak anda dengan kami.
- 9.2 Sekiranya Data Peribadi anda tidak diperlukan lagi, Data Peribadi tersebut akan dilupuskan mengikut polisi dan prosedur berkaitan pelupusan data PLUS kecuali jika undang-undang di Malaysia menghendaki data tersebut diarkibkan untuk kepentingan umum.

### 10. Keselamatan Data

Kami memastikan keselamatan Data Peribadi seperti berikut:

- sistem kawalan keselamatan yang mencukupi dengan menggabungkan kawalan akses elektronik dan fizikal, teknologi *firewall* dan langkah-langkah keselamatan lain untuk melindungi keselamatan dan privasi Data Peribadi anda;
- Personel kami hanya mempunyai akses kepada Data Peribadi anda atas dasar "perlu tahu" (*need to know*); dan
- Pihak Ketiga Yang Diberi Kuasa kami telah menerapkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai berdasarkan kontrak kami dengan mereka.

### 11. Pindaan Selanjutnya Dan Pertikaian

- 11.1 Kami berhak untuk mengemas kini dan/ atau meminda Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, anda berobligasi untuk membaca Notis Privasi ini setiap kali anda ingin memberikan Data Peribadi anda kepada PLUS.
- 11.2 Sekiranya anda terus melanggan kepada mana-mana program kami termasuk program PLUSMiles atau terus memberikan Data Peribadi anda kepada kami melalui sebarang bentuk, contohnya, e-mel, panggilan telefon, surat dll., anda akan dianggap telah menerima perubahan di dalam Notis Privasi kami.

## LAMPIRAN A

11.3 Sekiranya terdapat percanggahan di antara Notis Privasi versi Bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi dan digunakan.

### 12. Maklumat Untuk Dihubungi

Sekiranya anda ingin membuat sebarang pertanyaan, aduan, akses atau permintaan pembetulan atau permintaan untuk PLUS menahkakan pemprosesan Data Peribadi anda yang berkaitan dengan Tujuan Penggunaan Data seperti yang dinyatakan di dalam Perenggan 5 di atas, anda boleh hubungi kami melalui e-mel seperti : -

Ketua Jabatan Pematuhan & Integriti

- Projek Lebuhraya Usahasama Berhad: [DPO@plus.com.my](mailto:DPO@plus.com.my)
- JustGo Solutions Sdn Bhd: [DPO@justgo.com.my](mailto:DPO@justgo.com.my)
- Syarikat-syarikat lain di bawah Kumpulan PLUS: [compliance@plus.com.my](mailto:compliance@plus.com.my)